




PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

5. Damai Cove Resorts Sdn. Bhd.



DAMAI COVE RESORTS SDN. BHD.



BELUM CAPAI



MEMUASKAN



STABIL

RUMUSAN AUDIT

"Secara keseluruhannya, objektif penubuhan syarikat belum dicapai sepenuhnya; tadbir urus korporat adalah memuaskan dan kedudukan kewangan adalah stabil."

PENEMUAN AUDIT

Prestasi Aktiviti



Pencapaian Output

- ❑ Aktiviti perhotelan Damai Lagoon Resort **masih belum dijalankan** disebabkan kelewatan penyiapan kerja membaik pulih dan menaik taraf
- ❑ Sasaran kuantiti pengeluaran kayu balak **tidak dicapai** (2019 - 2022)



Pencapaian Keberhasilan

- ❑ Pendapatan daripada aktiviti penjualan kayu balak menunjukkan trend yang **menurun** (2019 - 2022)



Pengurusan Aktiviti

- ❑ Perjanjian DCRSB dengan kontraktor pengeluaran dan penjualan kayu balak **masih belum diperbaharui**



Tadbir Urus Korporat

1 daripada **6** aspek amalan terbaik **Tidak Diamalkan Sepenuhnya**

- ❑ SOP **tidak lengkap dan kemas kini** kerana tiada SOP berkaitan pentadbiran kontrak dan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak

4
SYOR
AUDIT

PERBADANAN PEMBANGUNAN EKONOMI SARAWAK

DAMAI COVE RESORTS SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. (DCRSB) merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dengan pegangan saham berjumlah RM37.25 juta. SEDC telah melantik Sara Resorts Sdn. Bhd. (SRSB) sebagai syarikat pengurusan DCRSB bagi tempoh 1 Februari 1996 hingga 31 Disember 2019. Mulai 1 Januari 2020 hingga kini, DCRSB diuruskan oleh Hemisphere Corporation Sdn. Bhd. yang dilantik oleh SEDC bagi menggantikan SRSB.
- Pengauditan aktiviti meliputi aspek operasi Damai Lagoon Resort (DLR) dan pengeluaran serta penjualan kayu balak bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 yang dinilai berdasarkan dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti meliputi pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pengurusan aktiviti pula terdiri daripada dua perkara iaitu pelantikan kontraktor dan pentadbiran kontrak.
- Penilaian terhadap enam aspek amalan tadbir urus korporat meliputi Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama serta Jawatankuasa Audit. Aspek Ketua Pegawai Eksekutif dan Unit Audit Dalam tidak diliputi dalam pengauditan ini kerana dilaksanakan oleh syarikat pengurusan.
- Analisis terhadap kedudukan kewangan merangkumi trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; trend aset dan liabiliti; nisbah kewangan; serta aliran tunai syarikat. Analisis dijalankan berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2020, 2021 dan 2022.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Aktiviti yang dilaksanakan memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat serta pembangunan produk pelancongan di negeri Sarawak.

- Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan DCRSB melalui pengurusan operasi perhotelan dan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya, objektif penubuhan DCRSB belum dicapai sepenuhnya kerana aktiviti perhotelan DLR masih belum dijalankan disebabkan kelewatan penyiapan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR. Kesannya, sasaran pendapatan utama aktiviti perhotelan tidak dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Pendapatan utama daripada aktiviti penjualan kayu balak pula menunjukkan trend yang menurun dan memberikan kesan kepada kedudukan kewangan syarikat. Kepentingan DCRSB dalam aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak juga tidak dilindungi dengan sewajarnya kerana perjanjian dengan kontraktor telah tamat dan masih belum diperbaharui.
- Antara perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
 - Prestasi aktiviti:
 - operasi DLR belum dimulakan kerana pelaksanaan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR masih belum siap sepenuhnya dengan kadar 73% penyiapan;
 - pengeluaran sebenar kayu balak adalah sebanyak 204,138 m³ (67.3%) berbanding 303,121 m³ yang disasarkan;
 - sasaran hasil daripada aktiviti perhotelan di DLR tidak dicapai kerana kemudahan 160 bilik penginapan masih belum tersedia; dan
 - pencapaian keberhasilan penjualan kayu balak adalah berjumlah RM66.20 juta (67.3%) berbanding RM98.30 juta yang disasarkan untuk tempoh tahun 2019 hingga 2022.
 - Pengurusan aktiviti:
 - Perjanjian dengan kontraktor pengeluaran dan penjualan kayu balak telah tamat serta masih belum diperbaharui.

- Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali penyediaan SOP pengurusan kewangan yang lengkap dan kemas kini. Kedudukan kewangan DCRSB berada pada tahap stabil disebabkan syarikat mempunyai aset yang mencukupi bagi memenuhi tanggungannya.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah DCRSB perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:
 - memastikan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR dapat disiapkan dalam tempoh yang sewajarnya supaya aktiviti perhotelan dapat beroperasi dan menyumbang pendapatan syarikat mengikut perancangan;
 - memastikan pencapaian keberhasilan pendapatan daripada aktiviti penjualan kayu balak diurus dengan cekap;
 - memastikan perjanjian yang sah disediakan bagi melindungi kepentingan syarikat dalam aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak; dan
 - memastikan penyediaan SOP merangkumi pentadbiran kontrak dan pengurusan pengeluaran serta penjualan kayu balak.

5. DAMAI COVE RESORTS SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

| | | |
|---------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 09.10.1993 Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 | RM37.25 juta Modal berbayar | RM64.75 juta Pendapatan (2020 - 2022) RM78.21 juta Perbelanjaan (2020 - 2022) |
| Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak | Pemegang saham DCRSB (100%) | |
| Sara Resorts Sdn. Bhd. | Syarikat pengurusan DCRSB (Februari 1996 - Disember 2019) | |
| Hemisphere Corporation Sdn. Bhd. | Syarikat pengurusan DCRSB (Januari 2020 - kini) | |
| Objektif Penubuhan | Menjalankan perniagaan perhotelan dan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak | |
| Aktiviti Utama | <ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan operasi Damai Lagoon Resort • Menjalankan aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak di kawasan yang dilesenkan oleh Kerajaan negeri | |


1. LATAR BELAKANG

1.1. Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. (DCRSB) telah diperbadankan pada 9 Oktober 1993 di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125]. DCRSB merupakan syarikat subsidiari milik penuh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) dengan pegangan saham berjumlah RM37.25 juta. Berdasarkan Perlembagaan Syarikat, objektif utama penubuhan syarikat adalah bagi menjalankan perniagaan perhotelan dan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak. Setakat tahun 2022, DCRSB telah menerima pinjaman daripada SEDC berjumlah RM19.31 juta bertujuan untuk kerja membaik pulih dan menaik taraf Damai Lagoon Resort (DLR).

1.2. Aktiviti utama DCRSB adalah untuk menjalankan operasi DLR di Damai, Santubong dan menjalankan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak berlesen

dari kawasan seluas 61,025 hektar di Akah Bunau Stateland Baram, Miri. Pendapatan daripada aktiviti penjualan kayu balak dan pendapatan lain yang diperoleh bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022 berjumlah RM64.75 juta. Model perniagaan DCRSB adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1
MODEL PERNIAGAAN DCRSB**



Sumber: Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. dan Jabatan Audit Negara

1.3. Setakat tahun 2022, DCRSB mempunyai seorang Pengerusi dan tiga ahli Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat yang terkini telah dilantik pada 30 Januari 2008 untuk

menyediakan perkhidmatan kesetiausahaan. SEDC telah melantik Sara Resorts Sdn. Bhd. (SRSB) sebagai syarikat pengurusan DCRSB bagi tempoh 1 Februari 1996 hingga 31 Disember 2019 dengan yuran pengurusan asas berjumlah RM5,000 sebulan. Selain itu, yuran pengurusan kayu balak dikenakan pada kadar 25% daripada keuntungan bulanan jualan kayu balak. Bagaimanapun, yuran pengurusan asas dinilai semula pada tahun 2017 daripada RM5,000 kepada RM15,000 sebulan manakala yuran pengurusan kayu balak masih kekal. SRSB juga mengenakan yuran pengurusan insentif (YPI) pada kadar 5% hingga 10% daripada keuntungan sebelum cukai tahunan DCRSB.

1.4. Mulai 1 Januari 2020 hingga kini, DCRSB diuruskan oleh Hemisphere Corporation Sdn. Bhd. (HCSB) yang dilantik oleh SEDC bagi menggantikan SRSB. Yuran pengurusan asas HCSB telah dinilai semula dan ditetapkan pada kadar 3% daripada hasil kasar bulanan bermula bulan Januari 2020. Yuran tanda dagang dan pemasaran juga ditetapkan oleh HCSB pada kadar 1% daripada hasil kasar bulanan. Selain itu, HCSB mengenakan YPI yang dibahagi kepada dua peringkat. Peringkat pertama adalah berdasarkan nilai untung kasar tahunan syarikat sehingga mencapai kadar 40% manakala peringkat kedua adalah untuk nilai untung kasar tahunan syarikat yang melebihi kadar 40%. Sebelum bulan Julai 2022, YPI yang ditetapkan ialah pada kadar 6% bagi peringkat pertama dan 9% bagi peringkat kedua. Mulai bulan Julai 2022, kadar YPI yang ditetapkan ialah 4% bagi peringkat pertama dan 7% bagi peringkat kedua. Kadar yuran pengurusan seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KADAR YURAN PENGURUSAN

| BIL. | JENIS YURAN | SYARIKAT PENGURUSAN | |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | SRSB (1 FEBRUARI 1996 HINGGA 31 DISEMBER 2019) | HCSB (MULAI 1 JANUARI 2020 HINGGA KINI) |
| 1. | Yuran Pengurusan Asas | <ul style="list-style-type: none"> • Sebelum tahun 2017: RM5,000 sebulan • Mulai tahun 2017: RM15,000 sebulan | 3% daripada hasil kasar bulanan |
| 2. | Yuran Pengurusan Kayu Balak | 25% daripada keuntungan bulanan jualan kayu balak | Tiada |
| 3. | Yuran Tanda Dagang dan Pemasaran | Tiada | 1% daripada hasil kasar bulanan |
| 4. | Yuran Pengurusan Insentif | 5% - 10% daripada keuntungan sebelum cukai tahunan | Tiada |
| 5. | Yuran Pengurusan Insentif: i. Peringkat Pertama (untung kasar mencapai kadar 40% dan ke bawah) | Tiada | <ul style="list-style-type: none"> • Sebelum bulan Julai 2022: 6% daripada nilai untung kasar tahunan • Mulai bulan Julai 2022: 4% daripada nilai untung kasar tahunan |
| | ii. Peringkat Kedua (untung kasar melebihi kadar 40%) | | <ul style="list-style-type: none"> • Sebelum bulan Julai 2022: 9% daripada nilai untung kasar tahunan • Mulai bulan Julai 2022: 7% daripada nilai untung kasar tahunan |

Sumber: Perjanjian Pengurusan Damai Cove Resorts Sdn. Bhd.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan DCRSB melalui pengurusan operasi perhotelan dan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; serta kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti DCRSB dalam menjalankan operasi DLR dan pengeluaran serta penjualan kayu balak bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022. Aktiviti ini dipilih untuk diaudit kerana ia memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat serta pembangunan produk pelancongan di negeri Sarawak. Pengauditan aktiviti dinilai daripada prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Prestasi aktiviti dinilai melalui pencapaian output dan pencapaian keberhasilan aktiviti utama DCRSB. Pengurusan aktiviti dinilai dari aspek pelantikan kontraktor dan pentadbiran kontrak.

3.2. Pengauditan juga dilaksanakan terhadap enam aspek tadbir urus korporat meliputi Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta Jawatankuasa Audit (JKA). Aspek Ketua Pegawai Eksekutif dan Unit Audit Dalam (UAD) tidak diliputi dalam pengauditan ini kerana dilaksanakan oleh syarikat pengurusan. Penilaian terhadap aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Pengauditan telah dijalankan di pejabat DCRSB yang terletak di Menara SEDC, Kuching.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

4.1. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan DCRSB serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapat penjelasan lanjut. Selain itu, lawatan fizikal turut dijalankan di DLR bagi tujuan pengesahan maklumat yang telah diperoleh untuk memperkukuhkan ketepatan penemuan Audit.

4.2. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksana berdasarkan penyata kewangan DCRSB bagi tahun 2020 yang telah diaudit oleh Tetuan Salihin manakala bagi tahun 2021 dan 2022 telah diaudit oleh Tetuan Ernst & Young PLT. Penilaian ini melibatkan

analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan; serta analisis aliran tunai.

5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga Disember 2022. Perkara yang ditemui dan maklum balas daripada DCRSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 1 Februari 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti perenggan berikut:

5.1. Prestasi Aktiviti

Penilaian prestasi aktiviti meliputi dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

5.1.1. Pencapaian Output


Pencapaian output DCRSB dinilai berdasarkan dua perkara iaitu prestasi aktiviti perhotelan DLR serta prestasi aktiviti pengeluaran kayu balak. The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006 (Green Book), Bahagian 1, Perenggan 3.2 menetapkan sasaran dan pencapaian KPI hendaklah disediakan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah.

5.1.1.1. Pencapaian Membaik Pulih dan Menaik Taraf Damai Lagoon Resort

- a. DCRSB ialah pemilik kepada DLR sejak penubuhan syarikat pada tahun 1993. Berdasarkan Pelan Perniagaan dan bajet tahunan DCRSB, aktiviti perhotelan DLR dirancang untuk dimulakan pada bulan Ogos 2022 bagi menyediakan sebanyak 160 bilik penginapan setelah keseluruhan kerja membaik pulih dan menaik taraf siap sepenuhnya.
- b. DLR telah disewakan kepada Syarikat 625200-W bagi tempoh tahun 2007 hingga 2037 melalui perjanjian penyewaan yang ditandatangani pada tahun 2006 antara SEDC, DCRSB dan Syarikat 625200-W. Bagaimanapun pada 1 Oktober 2019, perjanjian penyewaan tersebut telah ditamatkan dan operasi DLR telah diambil alih semula oleh DCRSB. Mengikut perancangan DCRSB, kemudahan fizikal di DLR perlu dibaik pulih dan dinaik taraf selepas pengambilalihan bagi memastikan kebolehpasarannya serta dapat

menyumbang kepada peningkatan hasil DCRSB. Model perniagaan DCRSB untuk operasi DLR adalah seperti dalam **Carta 2**.

CARTA 2
MODEL PERNIAGAAN DCRSB - AKTIVITI OPERASI PERHOTELAN



Sumber: Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. dan Jabatan Audit Negara

- c. Pada tahun 2020, DCRSB telah memulakan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR bernilai RM80.38 juta melibatkan dua pakej iaitu Pakej Bumbung dan Pakej Utama masing-masing berjumlah RM5.54 juta dan RM74.84 juta. Tempoh yang disasarkan bagi pelaksanaan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR bermula pada bulan Disember 2020 hingga Mac 2022. Sumber pembiayaan DCRSB bagi kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR tersebut adalah melalui pinjaman daripada SEDC.
- d. Bagaimanapun setakat bulan Disember 2022, operasi DLR belum dimulakan kerana pelaksanaan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR masih belum siap sepenuhnya dengan kadar 73% penyiapan.
- e. Semakan Audit selanjutnya terhadap status kemajuan pelaksanaan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR mendapati perkara berikut:
 - i. Berdasarkan kontrak, tempoh penyiapan asal bagi Pakej Bumbung ialah empat bulan bermula 18 Disember 2020 hingga 17 April 2021 manakala Pakej Utama selama 10 bulan bermula 6 Mei 2021 hingga 6 Mac 2022.
 - ii. Semakan Audit mendapati Pakej Bumbung telah siap sepenuhnya pada 12 Oktober 2021 dengan dua Perakuan Lanjutan Tempoh Masa (EOT) selama 176 hari selepas Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD)

sebanyak RM2,428. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah hingga 11 Oktober 2022. Pakej Utama yang sepatutnya siap pada 6 Mac 2022 telah dilanjutkan hingga 5 April 2023 dengan kelulusan tiga EOT selama 395 hari. Butiran terperinci status kemajuan kerja seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
MAKLUMAT KERJA MEMBAIK PULIH DAN MENAIK TARAF DLR

| PERKARA | PAKEJ BUMBUNG | PAKEJ UTAMA |
|-----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Tajuk Kontrak | Proposed Refurbishment and Upgrading Works for Damai Lagoon Resort at Damai, Lot 683, Block 2, Salak Land District, Kuching, Sarawak (Phase 1 - Roof Package) | Proposed Refurbishment and Upgrading Works for Damai Lagoon Resort at Damai, Lot 683, Block 2, Salak Land District, Kuching, Sarawak (Phase 1 - Main Package) |
| No. Kontrak | PPES:R/CON-Damai Lagoon Roofing (Phase 1)/196[01(7/2020)] | THD:003/CON2021/DCRSB |
| Jenis Perolehan | Tender Terbuka | Tender Terbuka |
| Pegawai Penguasa Projek | Pengurus Besar SEDC | Pengurus Besar SEDC |
| Harga Asal Kontrak | RM5.54 juta | RM74.84 juta |
| Harga Kontrak Dipinda | RM5.34 juta (Selepas Arahan Perubahan Kerja 1-4) | Belum Dimuktamadkan |
| Kontraktor | Syarikat 550896-H | Syarikat 550896-H |
| Tempoh Kontrak | 4 Bulan | 10 Bulan |
| Tarikh Mula Projek | 18.12.2020 | 06.05.2021 |
| Tarikh Siap Asal | 17.04.2021 | 06.03.2022 |
| Tarikh Siap Sebenar | 12.10.2021 | Belum Siap |
| Tarikh EOT | 30.07.2021 (EOT No. 1: 104 Hari) 12.10.2021 (EOT No. 2: 72 Hari) | 17.05.2022 (EOT No. 1: 72 Hari) 31.12.2022 (EOT No. 2: 228 Hari) 05.04.2023 (EOT No. 3: 95 Hari) |
| Tempoh Tanggungan Kecacatan | 12 Bulan | 12 Bulan |

Sumber: Dokumen Projek Damai Cove Resorts Sdn. Bhd.

Nota: EOT - Lanjutan Tempoh Masa

- iii. Butiran lanjut berkenaan status penyiapan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR dengan mengambil kira kelulusan EOT seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
STATUS PENYIAPAN KERJA
MEMBAIK PULIH DAN MENAIK TARAF DLR

| KONTRAK | NILAI KONTRAK (RM JUTA) | TARIKH SIAP ASAL (SASARAN) | TARIKH SIAP (SEBENAR) | EOT | | LAD | | STATUS PROJEK |
|---------------------------|-------------------------|----------------------------|-----------------------|----------|------------|----------|-----------------|---------------|
| | | | | BILANGAN | HARI | HARI | RM | |
| Pakej Bumbung | 5.54 | 17.04.2021 (4 Bulan) | 12.10.2021 (10 Bulan) | 1 | 104 | 2 | 2,427.94 | Siap |
| | | | | 2 | 72 | - | - | |
| JUMLAH | 5.54 | | | | 176 | 2 | 2,427.94 | |
| Pakej Utama | 74.84 | 06.03.2022 (10 Bulan) | Belum Siap | 1 | 72 | - | - | Belum Siap |
| | | | | 2 | 228 | - | - | |
| | | | | 3 | 95 | - | - | |
| JUMLAH | 74.84 | | | | 395 | - | - | |
| JUMLAH KESELURUHAN | 80.38 | | | | TB | 2 | 2,427.94 | |

Sumber: Damai Cove Resorts Sdn. Bhd.

Nota: LAD - Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan

TB - Tidak Berkenaan

Maklum Balas DCRSB pada 17 Februari 2023 dan 15 Jun 2023

Kemajuan kerja tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan disebabkan kelewatan penghantaran fabrikasi bahan reka bentuk dalaman (ID) dari luar negara semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu, kelewatan pemasangan bahan ID dikaitkan dengan kelewatan penghantaran bahan sehingga menyebabkan kelewatan kerja lain yang berkaitan dengan elektrik, penghawa dingin dan sistem perlindungan kebakaran. Status kemajuan fizikal Pakej Utama setakat 25 Mei 2023 adalah 98%.

Pendapat Audit


Kelewatan selama 10 bulan bagi penyiapan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR menyebabkan aktiviti perhotelan tidak dapat beroperasi mengikut jadual yang ditetapkan. Keadaan ini bukan sahaja memberi kesan terhadap pendapatan boleh jana syarikat tetapi juga menjejaskan pembangunan produk pelancongan di negeri Sarawak.

5.1.1.2. Pengeluaran dan Penjualan Kayu Balak

- a. Pencapaian output bagi aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak dinilai berdasarkan sasaran pengeluaran kayu balak yang ditetapkan dalam Pelan Perniagaan dan bajet tahunan DCRSB tertakluk had maksimum yang ditetapkan oleh Jabatan Hutan Sarawak (JHS). Bagi tempoh tahun 2019 hingga bulan Julai 2022, JHS menetapkan had maksimum pengeluaran kayu balak sebanyak 7,000 meter padu (m³) sebulan. Bermula bulan Ogos 2022, JHS telah mengurangkan had maksimum tersebut kepada 4,200 m³ sebulan.
- b. Aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak yang dijalankan oleh DCRSB diluluskan JHS melalui pengeluaran lesen kayu balak sejak tahun 2002. Tempoh sah lesen tersebut adalah dengan tertakluk kepada ketetapan JHS dan boleh diperbaharui sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan. Lesen kayu balak yang masih berkuat kuasa bagi DCRSB adalah bagi tempoh 10 tahun bermula 29 Januari 2013 hingga 28 Februari 2023. DCRSB telah mengemukakan lanjutan permohonan pembaharuan lesen kayu balak kepada JHS dan telah diluluskan pada 25 Januari 2023 untuk tempoh setahun bermula 1 Mac 2023 hingga 28 Februari 2024.


- c. Sejak dari tahun 2002, DCRSB telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat 49911-P bagi tujuan kerja pengeluaran kayu balak dan Syarikat 39530-H bagi tujuan penjualan kayu balak. DCRSB akan membuat bayaran kepada Syarikat 49911-P berdasarkan kos kerja pengeluaran kayu balak yang dituntut. Pendapatan utama DCRSB ialah hasil yang diperoleh melalui penjualan kayu balak kepada Syarikat 39530-H. Seterusnya, DCRSB membayar royalti dan premium kepada Kerajaan Negeri untuk kayu balak yang telah dijual. Model perniagaan DCRSB untuk operasi pengeluaran dan penjualan kayu balak seperti dalam **Carta 3**. Proses kerja aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak seperti dalam **Carta 4**.

CARTA 3
MODEL PERNIAGAAN DCRSB
- AKTIVITI OPERASI PENGELUARAN DAN PENJUALAN KAYU BALAK



Sumber: Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. dan Jabatan Audit Negara

**CARTA 4
PROSES KERJA AKTIVITI PENGELUARAN DAN PENJUALAN KAYU BALAK**



Sumber: Damai Cove Resorts Sdn. Bhd. dan Jabatan Audit Negara
Nota: m³ - meter padu

- d. Semakan Audit terhadap Pelan Perniagaan dan bajet tahunan DCRSB bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 mendapati sasaran kuantiti pengeluaran kayu balak yang ditetapkan adalah 303,121 m³ dan mematuhi syarat JHS. Bagaimanapun, **pengeluaran sebenar bagi tempoh tersebut tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 204,138 m³ (67.3%)**. Analisis Audit mendapati pengeluaran kayu balak mencatat trend menurun bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 iaitu masing-masing pada kadar 94%, 59%, 58.4% dan 54.5%. Penurunan pengeluaran kayu balak telah menyebabkan sasaran hasil penjualan tidak dicapai bagi tempoh tersebut. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
PRESTASI PENGELUARAN KAYU BALAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022

| TAHUN | KUANTITI PENGELUARAN (m ³) | | | PENCAPAIAN PENGELUARAN (%) |
|---------------|-------------------------------------------|----------------|---------------------|----------------------------------|
| | SASARAN (a) | SEBENAR (b) | BEZA (c)=(b)-(a) | (d)=(b)/(a) x 100 |
| 2019 | 81,921 | 77,005 | (4,916) | 94.0 |
| 2020 | 81,535 | 48,123 | (33,412) | 59.0 |
| 2021 | 74,130 | 43,305 | (30,825) | 58.4 |
| 2022 | 65,535 | 35,705 | (29,830) | 54.5 |
| JUMLAH | 303,121 | 204,138 | (98,983) | 67.3 |

Sumber: Pelan Perniagaan dan bajet tahunan serta Detailed Monthly Sales of Timber Logs DCRSB

Maklum Balas DCRSB pada 13 Januari 2023

Sasaran pengeluaran kayu balak tidak tercapai pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan pelaksanaan PKP akibat daripada penularan wabak Covid-19 yang memberi kesan terhadap operasi DCRSB. Bagi tahun 2022, pengeluaran kayu balak menurun kerana faktor cuaca dan kelewatan mendapatkan kelulusan permit untuk memasuki *coupe*¹ menyebabkan aktiviti pengeluaran kayu balak terhenti sementara.

Pendapat Audit | **Prestasi pengeluaran kayu balak kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.**

5.1.2. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan DCRSB dinilai dari aspek prestasi pencapaian hasil daripada operasi DLR dan penjualan kayu balak. Selaras dengan Green Book, Bahagian 1, Perenggan 3.2., syarikat hendaklah menyediakan sasaran hasil tahunan bagi memastikan prestasi dan objektif syarikat tercapai.

5.1.2.1. Pencapaian Hasil daripada Aktiviti Perhotelan di Damai Lagoon Resort

- a. Penetapan KPI hasil syarikat hanya dibuat pada tahun 2022 dengan sasaran penerimaan hasil berjumlah RM4.43 juta daripada aktiviti perhotelan di DLR. Sasaran penerimaan hasil tersebut adalah berdasarkan ketersediaan 160 bilik

¹ *Coupe* adalah bahagian kawasan berlesen untuk aktiviti kayu balak bagi tempoh satu tahun melainkan dinyatakan sebaliknya dalam pelan operasi.

penginapan di DLR pada bulan Ogos 2022 setelah kerja membaik pulih dan menaik taraf siap sepenuhnya.

- b. Semakan Audit mendapati **DCRSB tidak mencapai sasaran hasil daripada aktiviti perhotelan di DLR kerana kemudahan 160 bilik penginapan masih belum tersedia** kesan daripada kelewatan penyiapan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR. Sehubungan itu, aktiviti perhotelan DCRSB di DLR masih belum memberikan sumbangan pendapatan kepada syarikat.

5.1.2.2. Pencapaian Hasil daripada Pengeluaran dan Penjualan Kayu Balak

- a. Berdasarkan pengeluaran sebenar 204,138 m³ kayu balak bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022, DCRSB menyasarkan sejumlah RM98.30 juta sebagai hasil pendapatan syarikat bagi tempoh tersebut. Bagaimanapun, **hasil pendapatan sebenar bagi tempoh tersebut adalah berjumlah RM66.20 juta (67.3%) sahaja**. Analisis Audit mendapati pencapaian sasaran hasil jualan kayu balak bagi tempoh tahun 2019 hingga 2022 adalah antara 54.5% hingga 94% dengan trend yang menurun. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5
PRESTASI PENCAPAIAN JUALAN KAYU BALAK
BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2022**


| TAHUN | HARGA JUALAN (RM/m ³) (a) | KUANTITI JUALAN SEBENAR (m ³) (b) | HASIL JUALAN KAYU BALAK (RM JUTA) | | | PENCAPAIAN HASIL JUALAN (%) (f)=(d)/(c) x 100 |
|---------------|---------------------------------------------|-----------------------------------------------------------|--------------------------------------|----------------|---------------------|-----------------------------------------------------------|
| | | | SASARAN (c) | SEBENAR (d) | BEZA (e)=(d)-(c) | |
| 2019 | 324.32 | 77,005 | 26.57 | 24.97 | (1.60) | 94.0 |
| 2020 | 324.32 | 48,123 | 26.44 | 15.61 | (10.83) | 59.0 |
| 2021 | 324.32 | 43,305 | 24.04 | 14.04 | (10.00) | 58.4 |
| 2022 | 324.32 | 35,705 | 21.25 | 11.58 | (9.67) | 54.5 |
| JUMLAH | | 204,138 | 98.30 | 66.20 | (32.10) | 67.3 |

Sumber: Pelan Perniagaan dan bajet tahunan serta Detailed Monthly Sales of Timber Logs DCRSB

- b. Analisis Audit selanjutnya mendapati penurunan hasil daripada aktiviti penjualan kayu balak memberikan kesan kepada pendapatan utama DCRSB secara keseluruhan. Pendapatan tahunan DCRSB didapati menurun 4.7% pada tahun 2022 (RM18.41 juta) berbanding tahun 2021 (RM19.31 juta).

- c. Pihak Audit mendapati trend penurunan pendapatan ini turut memberikan kesan kepada prestasi kewangan syarikat. DCRSB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM5.44 juta dan RM10.29 juta masing-masing pada tahun 2020 dan 2021. Bagi tahun 2022, DCRSB mencatat keuntungan sebelum cukai berjumlah RM2.27 juta. Bagaimanapun, keuntungan tersebut disumbangkan oleh peningkatan pendapatan lain iaitu sejumlah RM5.49 juta amaun terhutang kepada syarikat berkaitan telah diluluskan untuk dihapus kira dan penurunan perbelanjaan tahunan syarikat. Setakat 31 Disember 2022, jumlah kerugian terkumpul DCRSB berjumlah RM34.63 juta. Trend kerugian dan keuntungan sebelum cukai serta kerugian terkumpul bagi tiga tahun yang berkaitan seperti dalam **Carta 5**.

CARTA 5
TREND KERUGIAN/KEUNTUNGAN
SEBELUM CUKAI DAN KERUGIAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2020, 2021 DAN 2022



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022

- d. Analisis Audit mendapati DCRSB mempunyai aset yang mencukupi bagi memenuhi tanggungannya kerana kedudukan aset melebihi liabiliti bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. DCRSB merekodkan aset masing-masing berjumlah RM79.21 juta, RM94.32 juta dan RM131.76 juta bagi tempoh tersebut. Liabiliti DCRSB masing-masing berjumlah RM31.42 juta, RM51.92 juta dan RM87.38 juta bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.

Maklum Balas DCRSB pada 13 Januari 2023

Sasaran jualan kayu balak tidak tercapai pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan pelaksanaan PKP akibat daripada penularan wabak Covid-19 yang memberi kesan terhadap operasi pengeluaran kayu balak. Bagi tahun 2022, jualan kayu balak

menurun kerana faktor cuaca dan kelewatan mendapatkan kelulusan permit untuk memasuki *coupe* menyebabkan aktiviti pengeluaran kayu balak terhenti sementara.

Pendapat Audit

Kelewatan membaik pulih dan menaik taraf DLR memberi kesan kepada pendapatan aktiviti perhotelan. Selain itu, berlaku penurunan kepada pengeluaran dan penjualan kayu balak secara berterusan mengakibatkan penurunan pendapatan syarikat. Bagaimanapun, kedudukan kewangan syarikat berada pada tahap stabil disebabkan DCRSB mempunyai aset yang mencukupi bagi memenuhi tanggungannya.

5.2. Pengurusan Aktiviti

5.2.1. Pelantikan Kontraktor Kerja Membaik Pulih dan Menaik Taraf Damai Lagoon Resort

5.2.1.1. Perolehan untuk Pakej Bumbung diurus oleh SEDC manakala bagi Pakej Utama diurus oleh syarikat pengurusan iaitu HCSB secara tender terbuka. Notis tender Pakej Utama diiklankan pada 13 dan 14 Disember 2020 melalui surat khabar tempatan dan ditutup pada 5 Januari 2021.

5.2.1.2. Semakan Audit terhadap perolehan Pakej Utama yang diuruskan oleh HCSB mendapati proses perolehan dilaksanakan berdasarkan SOP syarikat yang disediakan iaitu Dokumen No. PP-08, Appointment of Contractor, Project Management Standard Operating Procedures (PM-SOPs). Antara perkara yang berkaitan adalah seperti berikut:

- a. penender hendaklah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Kelas A, Kepala II dan Sub-kepala 5(a), 5(b) dan 5(c).
- b. penender berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).
- c. Jawatankuasa Penilaian Tender (TEC) diwujudkan bagi tujuan penilaian tender. Keahlian Jawatankuasa tersebut terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat ahli Jawatankuasa.

5.2.1.3. Sebanyak 12 penender telah menyertai tender bagi Pakej Utama. Semakan Audit terhadap Laporan Penilaian Tender mendapati sebanyak 10 penender layak dipertimbangkan berdasarkan kesempurnaan dokumen tender yang dikemukakan.

5.2.1.4. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat TEC yang diadakan pada 5 Mac 2021 mendapati komposisi ahli mesyuarat adalah seperti yang ditetapkan dalam PM-SOPs. Keputusan TEC telah diluluskan melalui mesyuarat Lembaga Pengarah pada 15 April 2021. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan kepada Syarikat 550896-H melalui surat bertarikh 27 April 2021 dengan kontrak bernilai RM74.84 juta dan tarikh pemilikan tapak pada 6 Mei 2021.

Pendapat Audit | **Pelantikan kontraktor untuk kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR telah mematuhi SOP yang ditetapkan.**

5.2.2. Pentadbiran Kontrak

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan kerja yang dijalankan mencapai piawaian serta kualiti yang telah ditetapkan. Pentadbiran kontrak yang disemak meliputi kontrak Pakej Utama kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR serta perjanjian pengeluaran dan penjualan kayu balak.

5.2.2.1. Kontrak Pakej Utama Kerja Membaik Pulih dan Menaik Taraf Damai Lagoon Resort

- a. Pengauditan telah dijalankan terhadap pentadbiran kontrak bagi Pakej Utama merangkumi aspek Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP), polisi insurans, Arahan Perubahan Kerja (APK) dan EOT.
- b. Semakan Audit mendapati HCSB sebagai syarikat pengurusan telah melaksanakan pentadbiran kontrak berdasarkan PM-SOPs yang ditetapkan. Kontraktor telah memilih Bon Pelaksanaan dalam bentuk WJP. Setakat Sijil Bayaran Interim No. 11, WJP terkumpul berjumlah RM3.66 juta. Kontraktor telah menyediakan polisi insurans *Contractor's All Risks* dengan perlindungan berjumlah RM74.84 juta dan polisi insurans *Workmen Compensation* berjumlah RM7.48 juta. Tempoh perlindungan asal bermula 6 Mei 2021 dan

tempoh tamat perlindungan telah dilanjutkan hingga 31 Disember 2022, setelah mengambil kira kelulusan EOT kedua.

- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati dua EOT bagi Pakej Utama telah diluluskan antara 72 hingga 228 hari disebabkan arahan PKP Penuh akibat penularan wabak Covid-19 pada tahun 2020 dan 2021. Pelaksanaan PKP Penuh telah mempengaruhi penghantaran bahan binaan daripada pembekal, mobilisasi pekerja di tapak binaan serta syarat tempoh masa yang telah ditetapkan dalam tender kepada sub kontraktor. Sebanyak 21 permohonan APK diluluskan oleh Lembaga Pengarah DCRSB berdasarkan perubahan kerja dan arahan daripada arkitek atau jurutera. Kelulusan APK tersebut telah meningkatkan harga kontrak keseluruhan sebanyak RM0.67 juta.

Maklum Balas DCRSB pada 24 Mei 2023

Permohonan EOT ke-4 telah dibuat pada 15 April 2023 dan masih dalam penilaian oleh DCRSB.

Pendapat Audit

Pengurusan WJP, polisi insurans, APK dan EOT adalah mengikut SOP yang telah ditetapkan.

5.2.2.2. Pengurusan Perjanjian Pengeluaran dan Penjualan Kayu Balak

- a. Aspek perjanjian pengeluaran dan penjualan kayu balak yang disemak meliputi pelantikan kontraktor dan syarat yang melindungi kepentingan syarikat. Perenggan 21.1.1, Tatacara Perolehan Badan-badan Berkanun Negeri Sarawak menetapkan kontrak formal hendaklah dimeterai bagi nilai kontrak melebihi RM100 ribu. Amalan terbaik memerlukan kontrak atau perjanjian dimeterai antara pihak yang berkenaan bagi memastikan kepentingan masing-masing dilindungi. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:
 - i. DCRSB telah menandatangani perjanjian dengan Syarikat 49911-P bagi tujuan pengeluaran kayu balak bermula 8 April 2002 hingga 28 Januari 2008. Sehingga bulan Disember 2022, Syarikat 49911-P masih lagi menjalankan kerja pengeluaran kayu balak bagi DCRSB. Bagaimanapun,

perjanjian DCRSB dengan syarikat tersebut masih belum diperbaharui sejak tamat pada 28 Januari 2008. Ketiadaan perjanjian yang sah menimbulkan risiko pengurusan yang baik bagi DCRSB dari aspek pelaksanaan kerja kontraktor mengikut syarat, pencapaian kuantiti minimum pengeluaran kayu balak oleh kontraktor dan bayaran pampasan oleh kontraktor sekiranya tidak mencapai sasaran ditetapkan.

- ii. Pihak Audit juga mendapati perjanjian DCRSB dengan Syarikat 39530-H bagi aktiviti penjualan kayu balak telah tamat pada 28 Januari 2008 dan masih belum diperbaharui. Kesannya, kepentingan DCRSB dari aspek penetapan harga jualan termasuk royalti dan premium adalah tidak menentu.

Maklum Balas DCRSB pada 18 April 2023

Perjanjian pengeluaran dan penjualan kayu balak dalam proses tapisan oleh Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pendapat Audit | **Kepentingan DCRSB dalam aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak tidak dilindungi dengan sewajarnya kerana perjanjian dengan kontraktor telah tamat dan masih belum diperbaharui.**

5.3. Tadbir Urus Korporat

5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu mempertingkatkan kecekapan syarikat dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat subsidiari milik penuh Kerajaan Negeri, pengurusan DCRSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016, Ordinan Hutan Sarawak 2015, Perlembagaan Syarikat, SOP syarikat serta peraturan lain yang ditetapkan oleh kerajaan dan syarikat dari semasa ke semasa. Selain itu, DCRSB perlu merujuk amalan terbaik dalam Malaysian Code on Corporate Governance (MCCG) 2021 dan Green Book.

5.3.2. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan sistem kawalan dalaman syarikat adalah baik. Penyediaan SOP yang lengkap dan menyeluruh hendaklah merangkumi urusan kewangan dan aktiviti syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

5.3.3. Semakan Audit telah dijalankan terhadap enam aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, SOP, Pelan Strategik dan KPI syarikat serta JKA. Dua aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Ketua Pegawai Eksekutif dan UAD adalah di bawah tanggungjawab syarikat pengurusan yang dilantik. JKA tidak ditubuhkan di peringkat DCRSB kerana isu pengauditan terus dibincangkan di peringkat mesyuarat Lembaga Pengarah.

5.3.4. Secara umumnya, DCRSB telah melaksanakan amalan terbaik tadbir urus korporat yang ditetapkan. Pihak Audit mendapati SOP pengurusan kewangan DCRSB adalah tidak lengkap dan kemas kini kerana **tiada SOP berkaitan pentadbiran kontrak dan aktiviti pengeluaran serta penjualan kayu balak.**

Maklum Balas DCRSB pada 13 Januari 2023

DCRSB dalam proses mengemas kini SOP pengurusan kewangan sebelum dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Pendapat Audit | **Amalan tadbir urus korporat DCRSB adalah memuaskan dan boleh ditingkatkan dengan mengamalkan kesemua aspek amalan terbaik tadbir urus korporat.**

6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan DCRSB belum dicapai sepenuhnya kerana aktiviti perhotelan DLR masih belum dijalankan disebabkan kelewatan penyiapan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR. Kesannya, sasaran pendapatan utama aktiviti perhotelan tidak dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan. Pendapatan utama daripada aktiviti penjualan kayu balak pula menunjukkan trend yang menurun dan memberikan kesan kepada kedudukan kewangan syarikat. Kepentingan DCRSB dalam aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak juga tidak dilindungi dengan sewajarnya

kerana perjanjian dengan kontraktor telah tamat dan masih belum diperbaharui. Amalan tadbir urus korporat adalah memuaskan kecuali penyediaan SOP pengurusan kewangan yang lengkap dan kemas kini. Pada tahun 2022, kedudukan kewangan DCRSB berada pada tahap stabil disebabkan syarikat mempunyai aset yang mencukupi bagi memenuhi tanggungannya.

7. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan pencapaian objektif penubuhan DCRSB serta memantapkan tadbir urus korporat, pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan. Sehubungan itu, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah DCRSB perlu memberi pertimbangan terhadap syor berikut:

7.1. memastikan kerja membaik pulih dan menaik taraf DLR dapat disiapkan dalam tempoh yang sewajarnya supaya aktiviti perhotelan dapat beroperasi dan menyumbang pendapatan syarikat mengikut perancangan;

7.2. memastikan pencapaian keberhasilan pendapatan daripada aktiviti penjualan kayu balak diurus dengan cekap;

7.3. memastikan perjanjian yang sah disediakan bagi melindungi kepentingan syarikat dalam aktiviti pengeluaran dan penjualan kayu balak; dan

7.4. memastikan penyediaan SOP merangkumi pentadbiran kontrak dan pengurusan pengeluaran serta penjualan kayu balak.

